

Terbitan : *Sinar Harian*

Tarikh : 17/6/2023

M/S: 28

SABTU 17 JUN 2023 • SINAR HARIAN

28 | NEGERI PULAU PINANG • SELANGOR/KL

Minuman keras RM1 juta dirampas

Taktik ikrar minuman arak sebagai aksesori memancing, perkakasan rumah berjaya dibongkar

Oleh **MUHAMMAD AFHAM RAMLI**
PERLABUHAN KLANG

Helah mengikrar barang dagangan sebagai perkakasan rumah dan aksesori memancing membongkar cubaan menyeludup masuk minuman keras bernilai RM1.1 juta di Pelabuhan Utara di sini, baru-baru ini.

Pengarah Operasi Penguatkuasaan Zon Tengah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Wong Pun Sian berkata, rampasan dua kontena itu dibuat secara berasingan pada 26 Mei dan 31 Mei.

Menurutnya, dalam kes pertama, pasukan operasi daripada



Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit Satu telah mematahkan cubaan menyeludup minuman keras yang disyaki tidak berkastam melalui penahanan sebuah kontena.

"Pemeriksaan kontena terbabit menemui 26,160 liter dengan anggaran nilai sebanyak RM111,120 membabitkan jumlah

cukai dan duti berjumlah RM793,030.

"Semakan mendapati dagangan itu diikrar sebagai barang perkakasan rumah dari negara jiran dan wakil perkapalan telah gagal mengemukakan dokumen berkaitan kelulusan pengimportan dagangan tersebut," katanya dalam kenyataan pada

Jumaat.

Beliau berkata, minuman keras tersebut diletakkan di bahagian belakang muatan kontena dan bahagian hadapan diletakkan kotak polyfoam bagi mengaburi mata pihak kastam.

Dalam kes kedua, JKDM telah merampas minuman keras berjumlah 12,616.20 liter dengan

anggaran nilai RM93,940 membabitkan jumlah cukai dan duti RM172,505.

"Berdasarkan maklumat di Borang Kastam 1, wakil perkapalan telah gagal mengemukakan dokumen berkaitan kelulusan pengimportan dagangan dan diikrar sebagai aksesori memancing," ujarnya.

Mengulas lanjut, dua wakil perkapalan membabitkan dua kes terbabit telah dipanggil untuk membantu siasatan lanjut.

"Kes ini masih dalam siasatan untuk mengesan syarikat atau ejen pengimport yang terlibat bagi tindakan selanjutnya. Wakil syarikat perkapalan telah hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan lanjut," ujarnya.

Kes ini sedang disiasat di bawah Akta Kastam 1967.

Justeru, JKDM menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan penyeludupan haram dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam **1-800-88-8855** atau pejabat kastam di negeri yang terdekat.

JKDM merampas minuman keras tidak bercukai di Pelabuhan Klang pada Mei lalu.